

Publication : **Berita Harian**
Date : 27 August 2015
Section : Bisnes
Page : 6
Headline : Hua Yang sasar jualan RM500 juta

Hua Yang sasar jualan RM500 juta

Hua Yang Bhd menyasar jualan sehingga RM500 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2016 (FY16), meningkat berbanding RM460 juta dicatatkan bagi tahun kewangan 2015 (FY15).

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ho Wen Yan, berkata sasaran lebih tinggi itu akan didorong pelaksanaan projek di Lembah Klang, Perak dan Pulau Pinang.

“Jumlah nilai pembangunan kasar (GDV) projek di kawasan itu bagi FY16 kekal RM633 juta, termasuk projek di One South City di Seri Kembangan. Kita juga akan terus mengusahakan baki projek itu mengikut beberapa fasa,” katanya kepada media selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu di Kuala Lumpur, semalam.

Tingkat jumlah simpanan tanah

Bagi perancangan masa depan, syarikat pemaju hartanah itu menyasar untuk meningkatkan jumlah simpanan tanahnya yang berkeluasan 209.62 hektar dengan nilai GDV RM3.3 bilion, ketika ini.

“Jumlah sedia ada itu mampu bagi mengekalkan aktiviti pembangunan bagi tempoh empat sehingga lima tahun. Bagaimanapun, kami merancang untuk meningkatkan lagi jumlah simpanan tanah itu dengan tumpuan di kawasan Johor Bahru, Pulau Pinang dan Lembah Klang,” katanya.

Hua Yang mempunyai Program Sukuk Murabahah RM250 juta bagi membiayai potensi serta pembelian tanahnya.

BERNAMA